



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 FEBRUARI 2022

PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL DAN PKRC (DATA SEHINGGA 17 FEBRUARI 2022)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 17 Februari 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus** bagi kes COVID-19:

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU):** dua (2) negeri iaitu Johor (65%) dan Kelantan (50%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$.
- **Katil bukan ICU:** sembilan (9) negeri iaitu Perak (99%), Kelantan (96%), Selangor (93%), Perlis (93%), Putrajaya (85%), W.P. Kuala Lumpur (84%), Johor (80%), Sabah (79%), dan Pahang (51%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$.
- **Katil Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC):** lapan (8) negeri iaitu Perak (74%), Negeri Sembilan (73%),

Selangor (71%), Terengganu (60%), Kelantan (59%) Sabah (58%), Kedah (51%), dan Pulau Pinang (50%), menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$.

- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (*ventilator*)** meningkat kepada 141 pesakit dan peratusan penggunaan ventilator 36%

Jadual 1: Penggunaan Katil COVID-19 Bagi ICU dan Bukan ICU di Hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Sehingga 17 Februari 2022

PENGUNAAN KATIL COVID-19 DI HOSPITAL DAN PKRC SETAKAT 17 FEB 2022

NEGERI	KADAR PENGGUNAAN KATIL COVID-19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID-19 & PUI	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN
Pertis	111	103	93%	11	4	36%	114	55	48%
Kedah	1,259	316	25%	130	21	16%	666	340	51%
Pulau Pinang	597	262	44%	42	11	26%	866	433	50%
Perak	596	591	99%	55	23	42%	152	113	74%
Selangor	1,189	1110	93%	74	28	38%	77	462	71%
WP Kuala Lumpur	572	479	84%	22	8	36%	0	0	0%
WP Putrajaya	73	62	85%	6	0	0%	0	0	0%
Negeri Sembilan	1,084	376	35%	61	8	13%	224	163	73%
Melaka	651	207	32%	24	9	38%	1,049	511	49%
Johor	1,473	1179	80%	46	30	65%	807	392	49%
Pahang	655	333	51%	81	7	9%	1,456	679	47%
Terengganu	401	179	45%	40	8	20%	641	385	60%
Kelantan	386	369	96%	36	18	50%	942	552	59%
Sabah	1,641	1297	79%	122	37	30%	2,196	1277	58%
Sarawak	670	228	33%	71	3	4%	682	178	26%
WP Labuan	98	28	29%	7	1	14%	130	48	37%
JUMLAH	11,456	7119	62%	828	216	26%	10,512	5583	52%

Jadual 2: Penggunaan Katil Kes COVID-19 dan Bukan COVID-19 di Hospital Awam Sehingga 17 Februari 2022

PENGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID-19 DI HOSPITAL 17 FEB 2022

NEGERI	PENGUNAAN KATIL COVID-19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN
Perlis	484	320	66%	19	10	53%
Kedah	2518	1945	77%	146	65	45%
Pulau Pinang	1976	1429	72%	81	44	54%
Perak	4975	2497	50%	102	61	60%
Selangor	5183	3881	75%	195	126	65%
WP Kuala Lumpur	3873	2002	52%	90	67	74%
WP Putrajaya	585	316	54%	20	6	30%
Negeri Sembilan	1652	760	46%	97	18	19%
Melaka	1223	1128	92%	92	54	59%
Johor	5097	4219	83%	112	80	71%
Pahang	1874	1332	71%	118	36	31%
Terengganu	1532	1190	78%	61	31	51%
Kelantan	2526	1826	72%	158	114	72%
Sabah	4199	2882	65%	143	78	55%
Sarawak	3383	2252	67%	142	64	45%
WP Labuan	190	78	41%	12	3	25%
JUMLAH	41270	28057	68%	1588	857	54%

Jika dibandingkan dengan data kapasiti keseluruhan katil di fasiliti kesihatan awam di Jadual 2, sememangnya didapati terdapat perbezaan dengan data di Jadual 1. Ini kerana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah **termasuk** juga untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

Secara keseluruhannya kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih boleh menampung kes COVID-19 dan bukan COVID-19. Namun begitu setiap negeri telah bersiapsiaga dengan pelan tindak balas segera sekiranya didapati kapasiti fasiliti semakin penuh.

Jadual 3: Bilangan Kemasukan Pesakit Harian Covid-19 Ke Hospital Awam Mengikut Kategori dan Negeri Sehingga 17 Februari 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID-19 KE HOSPITAL AWAM
MENGIKUT KATEGORI & NEGERI 17 FEB 2022


NEGERI	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	0	15	0	4	0	19	5
Kedah	11	36	7	23	1	78	35
Penang	3	45	17	10	1	76	46
Perak	7	86	21	22	5	141	37
Selangor	12	92	51	34	4	193	139
WP KI	11	39	20	18	1	89	74
WP Putrajaya	8	8	0	4	0	20	20
Negeri Sembilan	4	65	4	5	6	84	53
Melaka	0	24	4	10	0	38	36
Johor	23	137	36	32	3	231	164
Pahang	7	51	10	14	2	84	61
Terengganu	2	23	10	10	1	46	25
Kelantan	13	44	24	27	4	112	67
Sabah	32	121	26	40	3	222	209
Sarawak	10	9	5	2	1	27	34
WP Labuan	4	5	0	0	0	9	6
JUMLAH	147	800	235	255	32	1469	1011

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19** ke hospital berbanding kes COVID-19 kategori 1 sehingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19. Misalnya semasa didiagnosa, mungkin seseorang pesakit tersebut adalah pada kategori 2A dan diisolasi di rumah menggunakan digital *Home Surveillance Order* (HSO), namun kesihatan beliau merosot ke kategori 3 lalu memerlukan kemasukan ke hospital.

Pada 17 Februari 2022, kes COVID-19 yang dimasukkan ke hospital adalah **1,469 kes**. Daripada 1,469 kes ini:

- **522 kes** (35.5 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **947 kes** (64.5 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Jadual 4 Bilangan Kemasukan Pesakit Harian COVID-19 Ke Hospital Awam Berdasarkan Kategori (11 Sehingga 17 Februari 2022)



Seperti dilihat di **Jadual 4**, terdapat kes COVID-19 kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan secara *pre-emptive* ke PKRC dan hospital. Antara sebab kemasukan pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 ke hospital:

- *Medical emergency* (contohnya: penyakit kencing manis, darah tinggi yang tidak terkawal, dsb);
- Baru dikenalpasti menghidap penyakit tidak berjangkit yang tidak terkawal (contohnya darah tinggi atau kencing manis, dsb) semasa mendapat pemeriksaan di CAC;
- Penjaga kepada pesakit Pediatrik dan Geriatrik;
- Kes Obstetrik yang perlukan pemantauan rapi;
- Pesakit Immunocompromised (HIV, pesakit yang sedang terima rawatan kemoterapi);
- Kemasukan melalui wad kecemasan;
- Keadaan rumah yang kurang sesuai; dan
- Kes kanak-kanak:
 - Kekurangan air di dalam badan;
 - Demam berpanjangan dan kelesuan;
 - Punyai penyakit kronik; dan
 - Tiada penjaga

KES HARIAN COVID-19

KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 17 Februari 2022;

- Kes sembuh: **11,744 kes** (2,888,194 kes kumulatif, 92.0%)
- Kes baharu : **26,701** (3,138,215 kes kumulatif);
- Kes import : **132 kes** [70 warganegara (53.0%); 62 bukan warganegara (47.0%)];

- Kes tempatan : **26,569 kes** [25,919 warganegara (97.6%); 650 bukan warganegara (2.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **216 kes** (98 kes disahkan COVID-19; 118 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **141 kes** (55 kes disahkan COVID-19; 86 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

KATEGORI KES COVID-19

Daripada **26,701 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- 118 kes (0.44 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- 26,583 kes (99.56 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Pecahan kategori kes;

- Kategori 1 : 6,103 kes (22.86%);
- Kategori 2 : 20,480 kes (76.70%);
- Kategori 3 : 77 kes (0.29%);
- Kategori 4 : 19 kes (0.07%); dan
- Kategori 5 : 22 kes (0.08%).

KLUSTER COVID-19

- Jumlah kluster : **6,676 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,195 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **481 kluster**.

Daripada **118 kes** COVID-19 kategori 3, 4 dan 5 yang baharu dilaporkan pada 17 Februari 2022:

- **22 kes (18.6%)** tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- **71 kes (60.2%)** telah menerima 2 dos vaksin COVID-19;
- **25 kes (21.2%)** telah menerima dos penggalak;
- **53 kes (44.9%)** berumur 60 tahun dan ke atas;
- **49 kes (41.5%)** mempunyai comorbid;
- **4 kes (3.4%)** adalah kes ibu mengandung; dan
- **10 kes (8.5%)** telah meninggal dunia, termasuk **2 (1.7%)** kes brought-in-dead (BID).

NILAI R_T


Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 5**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my> . Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 5: Nilai R_T Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 16 Februari 2022

NEGERI	NILAI R_T
WP Labuan	1.96
Sarawak	1.56
Sabah	1.51
Pulau Pinang	1.41
Kedah	1.40
Terengganu	1.36
Kelantan	1.36
Negeri Sembilan	1.36
Perlis	1.35
Selangor	1.33
Pahang	1.30
WP Kuala Lumpur	1.30
Johor	1.28
WP Putrajaya	1.25
Perak	1.24
Melaka	1.21
MALAYSIA	1.32

STATUS JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN IBU HAMIL DI MALAYSIA

Sejak Mac 2020 sehingga Januari 2022, sejumlah 18,277 kes COVID-19 dalam kalangan ibu hamil telah dilaporkan di Malaysia. Bilangan ini merupakan 0.64% daripada jumlah keseluruhan bagi jangkitan COVID-19 yang dilaporkan bagi tempoh yang sama. Bagi tahun 2021, bilangan kes dalam kalangan ibu hamil melonjak naik pada bulan Julai hingga September dan mula menunjukkan tren penurunan pada Oktober 2021 hingga Januari 2022 (**Rujuk Rajah 1**).



Rajah 1: Tren Jangkitan COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal Berbanding Kes Keseluruhan;
(Malaysia Mac 2020-Januari 2022)

Sejak pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020, sejumlah 191 kes kematian ibu hamil disebabkan oleh komplikasi jangkitan COVID-19, dimana kesemua kematian dilaporkan berlaku pada tahun 2021. Pada tahun 2022, iaitu sehingga 15 Februari 2022; **tiada kes kematian ibu hamil** yang disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 dilaporkan. Bagi tahun 2021, kemuncak bagi kematian ibu hamil akibat komplikasi jangkitan COVID-19 ialah pada bulan Julai (31 kes), Ogos (77 kes), dan September (44 kes). Kes kematian semakin menurun pada bulan Oktober (12 kes), November (3 kes), dan tiada kes kematian bagi Disember 2021 **(Rujuk Jadual 6)**. Analisa data kematian menunjukkan 79% daripada kes kematian tidak menerima vaksin COVID-19 manakala sebanyak 83% daripada kes kematian mempunyai komorbid. Selain itu, masalah berat badan (berat badan berlebihan atau obesiti) juga merupakan faktor risiko yang kerap dilaporkan.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada **penurunan kes kematian ibu hamil** akibat komplikasi COVID-19 ialah **liputan vaksinasi yang tinggi (94.7%)** dalam kalangan populasi dewasa berumur 18 tahun ke atas yang telah dicapai pada bulan Oktober 2021. Berdasarkan pencapaian kempen Ibunisasi, data sehingga akhir Oktober 2021 menunjukkan sebanyak 94% daripada ibu hamil yang mendaftar di aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan vaksin COVID-19 telah menerima sekurang-

kurangnya satu dos vaksin dan daripada jumlah tersebut, 91% telah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

Jadual 6: Data Bilangan Kematian Ibu Hamil Disebabkan Komplikasi Jangkitan COVID-19; Malaysia 2021

Bulan	Bilangan Kematian Ibu Hamil Disebabkan Komplikasi Jangkitan COVID-19
Januari 2021	1
Februari 2021	1
Mac 2021	0
April 2021	1
Mei 2021	2
Jun 2021	19
Julai 2021	31
Ogos 2021	77
September 2021	44
Oktober 2021	12
November 2021	3
Disember 2021	0
JUMLAH	191

Pesanan kepada ibu hamil dalam mencegah jangkitan serta komplikasi COVID-19:

- a. Memandangkan ibu hamil tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk, langkah-langkah pencegahan amat penting bagi mengelakkan jangkitan COVID-19.
- b. KKM menyeru semua wanita dan ibu hamil untuk mendapatkan vaksin COVID-19 termasuklah dos penggalak kerana pengambilan vaksin terbukti mengurangkan risiko komplikasi jika dijangkiti COVID-19. Ibu hamil yang masih belum menerima dos penggalak boleh menghubungi klinik kesihatan terdekat atau klinik swasta yang terpilih bagi mendapatkan janji temu awal.
- c. Selain itu, langkah-langkah pencegahan seperti berikut mesti dipatuhi oleh ibu hamil dan ahli keluarga:-
 - Kekal berada di rumah kecuali untuk tujuan penting dan perlu sahaja;
 - Amalkan norma baharu serta mematuhi *standard operating procedure* (SOP) dalam mencegah jangkitan COVID-19; Ahli keluarga perlu diingatkan untuk tidak menjadi punca jangkitan kepada ibu hamil dengan mematuhi SOP ketika berada di luar rumah; dan

- Jika terdapat ahli keluarga yang menjalani kuarantin di rumah, pastikan mereka patuh sepenuhnya kepada prosedur kuarantin.
- d. Sekiranya telah disahkan positif COVID-19, semua ibu hamil perlu hadir ke COVID-19 Assessment Centre (CAC) untuk menjalani penilaian oleh doktor. Ikut nasihat doktor jika perlu dipantau di fasiliti kesihatan.
- e. Sekiranya ibu hamil dibenarkan menjalani kuarantin di rumah, lakukan pemantauan sendiri. Jika gejala semakin merosot, ibu perlu segera ke CAC atau hospital.
- f. Jika berlaku kecemasan, boleh hubungi talian 999 atau segera ke hospital berdekatan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and, Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;

- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya anda **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 kategori 1 dan 2A dan tidak berisiko tinggi (60 tahun ke bawah dan tidak mempunyai komorbid)** tidak perlu hadir ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui *Health Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording* (robocall) akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) terdekat untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC ; dan
- Tempoh isolasi (pengasingan) bagi individu **positif COVID-19 yang tidak bergejala dan telah lengkap vaksinasi adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19, bergejala dan tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Februari 2022 @ 10.00 pagi.

Lampiran 1

Jadual 7: Perbandingan Gejala COVID-19 Kategori 2A
(Ringan) Dan 2B (Sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur

Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam